



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN
KEMANUSIAAN

UHMS 1182 (PENGHAYATAN ETIKA & PERADABAN)

SEMESTER 1, 2020/2021

REFLEKSI

AHLI KUMPULAN:

NAMA	NO. MATRIK
1. MUHAMMAD DINIE HAZIM BIN AZALI	A20EC0084
2. LEE MING QI	A20EC0064
3. SINGTHAI SRISOI	A20EC0147
4. NURARISSA DAYANA BINTI MOHD SUKRI	A20EC0120
5. AMIRAH RAIHANAH BINTI ABDUL RAHIM	A20EC0182

DISERAHKAN KEPADA:

DR. FAIZAH BINTI MOHD FAKHRUDDIN

SKEMA PERMARKAHAN (DIISI OLEH PENSYARAH)

KRITERIA	MARKAH
KANDUNGAN	/13
SUSUNAN/STRUKTUR	/5
CARA PENULISAN	/2
TOTAL	/20

REFLEKSI

Setelah mempelajari isu-isu yang dibincangkan di dalam subjek 'Penghayatan Etika dan Peradaban', kami berasa bermotivasi untuk mempraktikkan ilmu-ilmu yang dipelajari dalam kehidupan harian kami. Kami yakin bahawa ilmu-ilmu dari subjek 'Penghayatan Etika dan Peradaban' akan membantu dalam pembentukan personaliti yang beradab dan beretika. Sebagai tulang belakang negara pada masa depan, personaliti yang beradab dan beretika memainkan peranan yang penting dalam melahirkan negara yang maju, aman dan harmoni.

Seterusnya, kami dapat berfikir secara jelas dan teratur apabila membezakan etika dan nilai dalam kehidupan harian. Hal ini demikian kerana kami sering menghubungkan etika-etika yang dipelajari dengan isu-isu semasa. Oleh itu, kami dapat membezakan apa yang betul dan apa yang salah apabila kami melihat berita tentang isu-isu semasa. Dengan demikian, kami akan mempunyai pendirian yang kukuh dan tidak mudah dipengaruhi oleh orang lain.

Selain itu, kami berasa syukur kerana berpeluang untuk mempelajari ilmu-ilmu 'Penghayatan Etika dan Peradaban' yang dapat memanfaatkan diri sendiri. Kami juga bersyukur kerana diajar oleh guru yang berpengetahuan tinggi dan peramah. Hal ini demikian kerana kami dapat memahami teks-teks dalam slide dengan senang selepas penerangan yang teliti oleh beliau. Oleh itu, kami juga ingin menyebarkan ilmu-ilmu yang dipelajari dalam kelas kepada ahli keluarga dan kawan kami agar lebih ramai orang dapat mengenali ilmu yang berfaedah ini.

Akhirnya, kami berasa amat bangga kerana dapat menjadi orang yang beretika dan beradab. Etika dan peradaban seseorang dapat mempengaruhi imej diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Oleh itu, kami berharap agar ilmu-ilmu 'Penghayatan Etika dan Peradaban' dapat disebarkan ke seluruh negara untuk melahirkan masyarakat yang beretika dan beradab.

BAB 1: PENGENALAN ILMU ETIKA DAN PERADABAN

Bab 1 ini merupakan subtopik pembuka bagi matapelajaran ini. Kami sangat teruja dan juga tertanya-tanya lalu perasan ingin tahu itu membuak-buak untuk mengetahui apa yang ingin dipelajari dalam subjek ini. Bagi kami, bab 1 ini banyak memberi pengajaran, iktibar, nilai-nilai murni dan nilai-nilai moral. Sebelum itu, secara rawaknya bab 1 ini berkisarkan tentang pengenalan ilmu etika dan peradaban bukan sahaja merangkumi di negara ini akan tetapi ia juga membincangkan secara global seperti Barat, India, Cina dan Barat. Sejujurnya, sebelum mempelajari subjek ini kami tiada pengetahuan yang luas dan mendalam tentang etika kerana memandang perkara ini sebagai perkara yang remeh. Kami tidak sangka bahawa pengenalan tentang ilmu etika ini telah membuka mata kami dengan lebih luas dan menyedari betapa pentingnya ilmu etika ini. Bukan itu sahaja, bab ini juga memberi penerangan kepada kami tentang etika dari pelbagai perspektif seperti individu, masyarakat, negara dan sejagat. Prinsip etika juga telah dikupas dalam bab ini.

Antara pengajaran yang diperolehi dari bab ini adalah kita mestilah menekankan dan tidak meninggalkan ilmu etika lalu hanya mementingkan ilmu seperti matematik, sains dan sebagainya. Bagi kami, etika adalah asas kejayaan dalam kehidupan yang berpengetahuan. Kejayaan dan etika adalah pasangan yang tidak boleh dipisahkan. Socrates juga telah menegaskan bahawa falsafah asas etika adalah “kebaikan adalah pengetahuan”. Malah, falsafah etika sudah diperkenalkan beratus tahun dahulu akan tetapi masih ramai yang tidak mengetahui dan menghayati etika. Bayangkan, terdapat dua orang lepasan ijazah ingin ditemu duga bagi sebuah pekerjaan. Calon A mempunyai nilai cgpa 3.90 manakala calon B mempunyai nilai cgpa 3.54. Semasa menjalani sesi temuduga, calon A tidak mengetahui etika dan adab semasa proses temuduga dijalankan. Dia tidak tahu menggunakan Bahasa formal yang sepatutnya dan tidak menghormati orang sekeliling. Manakala calon B bersikap professional dan sangat beretika. Akhirnya, calon B berjaya mendapat jawatan itu. Jelaslah di sini bahawa kebijaksanaan seseorang di atas kertas tidak akan menjamin kejayaannya tanpa etika dan adab. Perkara bukan sahaja terjadi di negara kita, malah ianya perkara biasa di seluruh dunia. J.T. O'Donnell merupakan CEO Work It Daily yang merupakan sebuah syarikat terletak di Hampton, United States. Syarikat itu memberi servis tentang cara untuk berhadapan dengan temuduga kerana terlalu ramai yang tidak

mengetahui etika bekerja. Ini telah menunjukkan bahawa rakyat di negara luar juga tidak mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang etika.

Seterusnya, bab ini turut menekankan tentang etika bukan sahaja dari sudut individu tetapi dari sudut masyarakat, negara dan sejagat. Kadang kala kita tidak menyedari bahawa perlakuan yang dilakukan tidak beretika. Etika ini sebenarnya sudah dipelajari dan diajar secara tidak langsung oleh ibu bapa ketika kita membesar, belajar secara langsung di sekolah dan juga belajar dari pengalaman hidup. Akan tetapi tidak ramai yang menghayati dan mempraktikkan etika dan adab ini. Setelah mempelajari etika pelbagai perspektif ini, ia merupakan kali pertama kami mengetahui tentang etika sejagat. Sebelum ini, kami hanya mengetahui asas etika sahaja dan tidak mengambil tahu dengan mendalam. Secara tidak langsung, kami telah menyedari bahawa etika telah menyatukan kita semua tak kira agama, bangsa dan warna kulit. Perkara ini berlaku kerana tanpa etika dan adab, kemungkinan negara kita takkan mencapai keharmonian. Etika ini mengajar kita untuk bersikap toleransi antara satu sama lain, memahami dan menghormati. Sebagai contoh, negara kita terkenal dengan pelbagai lapisan masyarakat. Ajaibnya, etika dari perspektif masyarakat ini telah mengugurkan sifat perkauman antara kita kerana kita sudah sepakat mempersetujui prinsip moral antara kita. Bukan itu sahaja, etika sejagat juga telah mengajar kami bahawa dimana kita pergi, perkara seperti membunuh, merogol adalah satu kesalahan dan sewajarnya menerima hukuman kalau melakukan kesalahan tersebut. Ini telah membuka mata kami untuk sentiasa mempunyai kelakuan yang baik.

Kesannya, bab ini telah mengubah pemikiran kami terhadap etika.. Sebelum ini, kami hanya anggap ianya tidak penting dan semuanya boleh dibelajar secara tidak langsung melalui pengalaman hidup. Rupa-rupanya banyak perkara yang kami tidak tahu yang boleh menjejaskan tahap intelektual kami. Kami juga telah sedar bahawa subjek ini penting untuk menjadi pelajar yang seimbang dari segi akademik dan etika. Tanpa etika dan adab, maka kejayaan susah untuk dikecapi. Dari segi psikologi pula, kami mendapati bahawa masih ramai yang tidak menghayati etika .Sudah pasti ramai sebenarnya yang tahu tentang etika tetapi mereka tidak mempraktikkannya dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh, etika sebagai seorang rakyat yang perlu patuh akan suruhan kerajaan. Kita boleh lihat situasi pandemik kini telah jelas menunjukkan ada lagi yang tidak beretika, mereka tidak mematuhi SOP yang ditetapkan kerajaan. Masih ada yang tidak memakai penutup muka walaupun telah digaris sebagai wajib. Ini

akan mengganggu psikologi seseorang untuk membiasakan perkara yang tidak baik dalam hidupnya apabila selalu melanggar arahan dan perintah.

Cabaran yang kami hadapi dalam proses penyediaan refleksi ini adalah untuk betul-betul memahami dan mendalami sesuatu istilah kerana ia bukan istilah biasa yang digunakan. Contoh yang banyak perlu dicari supaya kami dapat pemahaman yang secukupnya tentang istilah itu. Seterusnya, bab ini dipelajari di awal sem lagi, jadi kami mempunyai kesukaran untuk mengingat apa yang diajar kerana tempohnya terlalu lama. Sepatutnya, kami membuat refleksi ini selepas habis bab 1 akan tetapi kami tersalah langkah. Sungguhpun begitu, kami tidak berputus asa dan mengambil ruang ini untuk mempelajari dan mendalam bab 1 ini melalui bahan yang telah diberi seperti slide dan e-book yang dibeli. Akhir sekali, kesukaran untuk melakukan perbincangan secara berkumpulan bagi memberi pendapat masing-masing tentang sebuah bab merupakan cabaran buat kami. Solusinya, kami telah berjaya menyiapkan refleksi ini dengan membahagikan tugas dengan adil dan berbincang di dalam kumpulan jika tidak faham.

BAB 2: TEORI-TEORI ETIKA

Setelah mempelajari bab ini iaitu tentang teori-teori etika, kami dapat mempelajari sesuatu iaitu pentingnya untuk kita mempelajari ilmu-ilmu berkaitan etika. Hal ini kerana jika kita mempelajari ilmu terutamanya tentang teori-teori etika, kita akan dapat memahami dan mendalami maksud daripada setiap teori-teori etika yang dikemukakan tidak kira sama ada teori etika klasik mahupun teori etika moden. Secara tidak langsung, kita akan dapat menilai teori etika yang manakah sesuai untuk kita amalkan dalam kehidupan kita pada hari ini dan manakah yang tidak sesuai. Perkara ini amat penting supaya kita dapat menyesuaikan diri ke dalam masyarakat di negara kita. Setiap teori etika mempunyai kekuatan dan kelemahannya yang tersendiri. Tamsilnya, kekuatan Teori Teleologi ini adalah dapat memupuk seseorang untuk melakukan kebaikan kepada orang lain. Namun, kelemahannya adalah sekiranya tindakan kita melakukan kebaikan kepada seseorang hanya akan memberi kesan yang buruk terhadap dirinya atau diri kita sendiri, maka tindakan kita akan dianggap salah. Secara ringkasnya Teori Teleologi ini bergantung kepada kesan atau faedah setelah kita membantu atau dibantu seseorang. Jika kesannya baik, maka tindakan kita akan dianggap betul, jika kesannya buruk, maka tindakan kita akan dianggap salah. Sebagai contoh, jika seseorang mencuri wang yang boleh mengakibatkan dia ditangkap, semata-mata untuk didermakan kepada orang miskin, maka tindakannya dianggap salah walaupun menderma kepada orang miskin adalah suatu tindakan yang terpuji.

Subjek ini memberi kesan kepada kami dari sudut intelektual kerana kami dapat mempelajari bahawa teori-teori etika terbahagi kepada dua iaitu klasik dan moden. Setiap teori tersebut mempunyai pecahan lagi di bawahnya yang banyak mengajar kami terutamanya tentang perkara berkaitan etika. Dari sudut psikologi pula, kami berpandangan bahawa tidak semua tindakan yang kita anggap baik akan diterima oleh seluruh masyarakat di negara kita. Sebagai contoh, jika kita menderma pada orang yang miskin tetapi duit yang didermakan itu datang daripada sumber yang haram. Perkara ini mungkin dapat diterima oleh segelintir orang kerana dapat meringankan beban orang miskin. Namun, masyarakat kita tidak boleh menerima situasi ini kerana agama kita telah mengajarkan bahawa jika hendak menderma biarlah datangnya dari sumber yang halal.

Cabaran yang saya hadapi adalah untuk memahami setiap teori yang terdapat dalam tajuk ini. Hal ini kerana setiap teori membawa maksud yang berbeza tentang etika. Oleh itu, saya perlu membacanya beberapa kali untuk memahami tajuk ini dengan lebih baik.

BAB 3: ETIKA DALAM KEPELBAGAIAN TAMADUN: ISLAM & MELAYU

Setelah mempelajari bab ini, kami mula menyedari bahawa Tamadun Islam dan Melayu amat mementingkan etika dalam kehidupan harian mereka. Walaupun kedua-dua tamadun ini mempunyai maksud yang tersendiri berkaitan etika tetapi kedua-duanya menjurus kepada asas yang sama iaitu berkaitan sikap atau tingkah laku seseorang. Setiap etika yang diperkenalkan oleh Tamadun Islam dan Tamadun Melayu amatlah sesuai untuk kita amalkan sehingga ke hari ini kerana tidak bercanggah dengan norma hidup kita pada hari ini. Namun begitu, zaman telah pun berubah, segelintir masyarakat telah melupakan etika yang diperkenalkan oleh tamadun-tamadun ini. Antaranya ialah kesetiaan kepada pemimpin. Kita tahu masyarakat Melayu dahulu amat setia kepada pemimpin dan menghormati raja-raja mereka tetapi pada hari ini, institusi raja-raja Melayu sudah mula dipermainkan dan diremehkan. Hal ini dapat dibuktikan melalui peningkatan kes-kes penghinaan terhadap institusi raja Melayu. Pada masa kini, penghinaan institusi raja dilakukan secara terang-terangan seperti di media sosial, di layar televisyen dan sebagainya. Sebagai contoh, semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kita dapat melihat banyak berita yang melaporkan tentang penghinaan terhadap Yang di-Pertuan Agong di laman sosial. Hal ini membuktikan bahawa masyarakat pada hari ini tidak lagi mengamalkan etika yang diperkenalkan oleh Tamadun Melayu iaitu kesetiaan kepada pemimpin.

Subjek ini telah memberi kesan kepada kami dari sudut intelektual dan psikologi. Dari sudut intelektual, kami telah dapat mempelajari dan memahami etika-etika yang diterapkan oleh Tamadun Melayu dan Tamadun Islam seterusnya mengamalkan etika tersebut dalam kehidupan harian. Manakala dari sudut psikologi pula, kami dapat mengubah tingkah laku kami ke arah yang lebih baik berpandukan etika-etika yang diterapkan oleh kedua-dua tamadun tersebut.

Cabaran yang kami hadapi semasa hendak menyempurnakan tugas ini adalah untuk mencari maklumat yang berkaitan dengan penghinaan Agong kerana kebanyakan portal berita tidak melaporkan masalah itu walaupun kita banyak menerima laporan tentangnya. Hal ini mungkin disebabkan oleh mereka tidak mahu menjadikan isu itu sebagai punca berlakunya perpecahan di negara kita.

BAB 4: ETIKA DALAM KEPELBAGAIAN TAMADUN: CHINA, INDIAN & BARAT

Secara keseluruhan, subjek ini juga membincangkan tentang etika kepelbagaian tamadun. Menerusi bab 4 subjek ini, kami telah memahami tentang hubungan citra semesta dengan etika, mengetahui tentang isu-isu etika dan peradaban dan menghayati nilai-nilai murni dalam peradaban Asia dan Barat. Antara nilai yang telah kami pelajari adalah keamanan dan keharmonian. Walaupun negara kita terdiri daripada pelbagai penganut agama dan mengamalkan budaya berbeza, sifat cintakan keharmonian dan keamanan sentiasa diamalkan masyarakat kita supaya wujudnya perpaduan nasional. Contohnya, penerimaan dan menghormati antara kaum dan agama. Dengan memahami nilai ini, kami dapat meningkatkan lagi sensitiviti terhadap sesuatu topik apabila bekerjasama seperti bekerja dalam kumpulan untuk tugas ini. Justeru, nilai ini hanya dapat diwujudkan jika setiap individu dalam masyarakat Malaysia mempunyai pemahaman baik terhadap peranan masing-masing dalam menerapkan nilai murni dalam interaksi seharian mereka.

Selain itu, sejarah peradaban China juga mengingatkan kita bahawa keterbukaan adalah syarat penting bagi perkembangan peradaban. Hanya dengan membuka diri ke dunia luar, bangsa Cina dapat memanfaatkan pencapaian tamadun lain yang baik dan menegaskan kembali dirinya di antara bangsa-bangsa di negara dalam dunia ini. Dahulu masyarakat Cina, Melayu, India dan lain-lain kurang berinteraksi dan pertalian antara satu sama lain juga tidaklah sekukuh sekarang. Sifat keterbukaan memberi peluang kita menerima kehadiran dan kepelbagaian budaya dan agama seperti kami yang mempunyai rakan berlainan agama tetapi dapat menyesuaikan diri malah menerapkan sesetengah daripada etika budaya mereka seperti menunggu orang yang lebih tua makan terlebih dahulu.

Seterusnya, nilai etika utama yang dapat menarik perhatian kami pada tamadun india adalah meraikan tetamu, amanah, hidup bermaruah dan menjaga kebersihan. Pengalaman kami hidup di dalam negara Malaysia menunjukkan bahawa setiap kaum sangat suka meraikan tetamu, keluarga saya sendiri sanggup memberikan apa saja layanan baik seperti menghidangkan makanan dan menyediakan tempat tidur tanpa mereka perlu berbuat apa-apa jika tetamu datang ke rumah kami. Sifat amanah juga dipelihara oleh masyarakat kita, seperti yang boleh dilihat pada pemimpin negara yang menjaga tanggungjawab mereka dalam membantu lebih 2 juta rakyat Sabah yang terjejas pada musim Covid-19 ini menerusi Bantuan Sara Hidup (BSH) 2020,

Bantuan Prihatin Nasional (BPN), Bantuan Geran Khas Prihatin untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS), Program Subsidi Upah (PSU) untuk majikan di Sabah dan elaun khas COVID-19 untuk barisan hadapan.

Pada pendapat kami, memelihara maruah hidup merupakan satu aspek yang penting dalam kehidupan kita. Menurut tamadun India, adalah lebih baik untuk kita hidup bersedekah daripada hidup mewah menerusi hasil pendapatan yang hina. Sikap ini lazim diamalkan rakyat Malaysia kerana sifat pemurah mereka serta sentiasa memelihara maruah diri daripada tercemar. Seterusnya, nilai etika dalam menjaga kebersihan. Seseorang itu perlu menjaga kebersihan jiwa disamping kebersihan diri, seperti sentiasa melakukan amalan yang baik dan jauhi sifat sombong dan riak.

Nilai-nilai tamadun barat seperti Greek dan Rom juga banyak memberi pengajaran kepada kami. Antaranya adalah konsep kebaikan yang mementingkan individu yang berfikir secara beretika seperti mempunyai sikap yang positif dan berintegiti. Seterusnya, konsep kehormatan, Aristoteles mengatakan bahawa kita mencari kehormatan sehingga kita boleh percaya bahawa kita baik. Konsep ini menunjukkan bahawa kita sudah tahu secara tersirat bahawa kebaikan yang dilakukan adalah lebih besar daripada kehormatan itu sendiri. Tamadun ini juga menerapkan nilai-nilai yang membentuk keperibadian mulia dan nilai kepimpinan dalam masyarakat. Oleh itu, kepelbagaian tamadun di Asia dan Barat menunjukkan terdapat persamaan nilai-nilai etika dalam peradaban tamadun seperti nilai menghormati. Nilai-nilai etika ini perlu dihayati oleh semua lapisan masyarakat bagi mencapai perpaduan kaum di negara Malaysia dan negara lain.

Subjek ini memberi kesan kepada kami dari sudut intelektual serta psikologi dalam menerapkan dan mengamalkan nilai kedamaian, keharmonian, keterangkuman, pencerahan, pembaharuan, dan keterbukaan supaya dapat menjadi individu yang lebih baik dari sebelum ini

Cabaran yang saya hadapi dalam proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini adalah pengurusan masa, kerana saya juga terlibat dalam aktiviti kelab serta mengurus hal-hal di rumah. Namun begitu, hal ini tidak menghalang saya daripada menyiapkan tugas akademik tepat pada masanya. Sebagai penutup, penghayatan nilai etika ini membolehkan masyarakat menanam sikap bertoleransi terhadap masyarakat lain supaya dapat mencapai pembangunan

yang seimbang antara aspek kebendaan dan bukan kebendaan bagi melahirkan warga negara yang maju.

BAB 5: KESEPADUAN NASIONAL

Setelah mempelajari bab ini, kami mula menyedari bahawa Tamadun Islam dan Melayu amat mementingkan etika dalam kehidupan harian mereka. Walaupun kedua-dua tamadun ini mempunyai maksud yang tersendiri berkaitan etika tetapi kedua-duanya menjurus kepada asas yang sama iaitu berkaitan sikap atau tingkah laku seseorang. Setiap etika yang diperkenalkan oleh Tamadun Islam dan Tamadun Melayu amatlah sesuai untuk kita amalkan sehingga ke hari ini kerana tidak bercanggah dengan norma hidup kita pada hari ini. Namun begitu, zaman telah pun berubah, segelintir masyarakat telah melupakan etika yang diperkenalkan oleh tamadun-tamadun ini. Antaranya ialah kesetiaan kepada pemimpin. Kita tahu masyarakat Melayu dahulu amat setia kepada pemimpin dan menghormati raja-raja mereka tetapi pada hari ini, institusi raja-raja Melayu sudah mula dipermainkan dan diremehkan. Hal ini dapat dibuktikan melalui peningkatan kes-kes penghinaan terhadap institusi raja Melayu. Pada masa kini, penghinaan institusi raja dilakukan secara terang-terangan seperti di media sosial, di layar televisyen dan sebagainya. Sebagai contoh, semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kita dapat melihat banyak berita yang melaporkan tentang penghinaan terhadap Yang di-Pertuan Agong di laman sosial. Hal ini membuktikan bahawa masyarakat pada hari ini tidak lagi mengamalkan etika yang diperkenalkan oleh Tamadun Melayu iaitu kesetiaan kepada pemimpin.

Subjek ini telah memberi kesan kepada kami dari sudut intelektual dan psikologi. Dari sudut intelektual, kami telah dapat mempelajari dan memahami etika-etika yang diterapkan oleh Tamadun Melayu dan Tamadun Islam seterusnya mengamalkan etika tersebut dalam kehidupan harian. Manakala dari sudut psikologi pula, kami dapat mengubah tingkah laku kami ke arah yang lebih baik berpandukan etika-etika yang diterapkan oleh kedua-dua tamadun tersebut.

Cabaran yang kami hadapi semasa hendak menyempurnakan tugas ini adalah untuk mencari maklumat yang berkaitan dengan penghinaan Agong kerana kebanyakan portal berita tidak melaporkan masalah itu walaupun kita banyak menerima laporan tentangnya. Hal ini mungkin disebabkan oleh mereka tidak mahu menjadikan isu itu sebagai punca berlakunya perpecahan di negara kita.

BAB 6: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TIANG SERI ETIKA

& PERADABAN DI MALAYSIA

Dalam bab 6, kami telah mempelajari dan memahami sejarah, definisi dan konsep yang berkaitan dengan Perlembagaan dan peranan Perlembagaan Malaysia, dan etos nasional dalam Perlembagaan Persekutuan. Moral dan nilai-nilai murni yang telah saya pelajari adalah Perlembagaan Malaysia mempunyai kepentingan dan peranan dalam mengukuhkan perpaduan antara kaum. Walaupun kita sudah lama hidup di negara yang berbilang kaum, masih ramai yang tidak mengetahui dan mengenali kaum-kaum yang lain seperti orang asli semananjung Malaysia, orang ulu Sarawak, atau kumpulan etnik Kadazan-Dusun di Sabah. Setiap kaum mempunyai perbezaan dari setiap aspek dan generasi, namun begitu sifat toleransi dan kerjasama dalam mewujudkan masyarakat majmuk adalah usaha nenek moyang kita mewujudkan keharmonian di negara ini walaupun mereka hidup dalam serba kekurangan. Perlembagaan ini membenarkan hak dan kebebasan warganegara terjamin, contohnya, warganegara Malaysia berhak mendapat perlindungan daripada pihak berkuasa supaya keselamatan mereka terjamin.

Tambahan pula, setiap warganegara berhak menganuti agama masing-masing dan tiada diskriminasi terhadap kaum yang boleh menggugat keamanan negara. Selama saya hidup di Sabah, hampir semua rakan saya adalah daripada bangsa yang berlainan iaitu bajau, cina, dusun dan lain-lain menyebabkan kami dapat berkongsi, mempelajari dan memahami budaya kaum masing-masing tanpa menyentuh sentimen perkauman seperti memakai pakaian tradisional mereka tanpa memahami maksud atau kepentingan pakaian itu. Selain itu, dengan wujudnya Perkara 153 dalam perlembagaan, hak istimewa orang Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak dan kepentingan kaum lain akan terjaga. Oleh itu, perlembagaan ini penting bagi rakyat Malaysia dalam memastikan setiap individu menjaga etika dan menghormati hak masing-masing dalam interaksi seharian.

Kualiti dan kemahiran yang boleh dipelajari dalam bab ini adalah memastikan pentadbiran dan pemerintahan yang adil dan telus serta menjamin perkembangan ekonomi negara. Pemerintahan dan pentadbiran di Malaysia berlandaskan demokrasi berparlimen yang melibatkan rakyat memilih wakil masing-masing. Sistem ini menegakkan keadilan kepada rakyat dalam memberi peluang kepada mereka memilih pemimpin yang boleh mentadbir kea rah negara maju. Perkara ini boleh diaplikasikan dalam proses pemilihan ketua kumpulan atau pengagihan

tugas, kumpulan kami memilih tajuk tugas dengan mengundi, baru-baru ini kami menggunakan 'Wheel of Decide' untuk membahagi tajuk refleksi dengan adil.

Seterusnya, perlembagaan ini juga penting bagi menjamin perkembangan ekonomi negara seperti terdapat peruntukan dari segi hak warganegara dalam peluang pendidikan dan pekerjaan. Pertumbuhan ekonomi domestik akan berkembang dengan wujudnya peluang pekerjaan masyarakat tempatan dan peningkatan dalam kualiti pendidikan. Oleh itu, penglibatan rakyat dalam menentukan hala tuju politik negara serta manfaat perlembagaan untuk perkembangan ekonomi dapat menjamin kemajuan individu, masyarakat dan negara.

Subjek ini memberi kesan positif kepada dari sudut intelektual serta psikologi kerana topik ini juga pernah kami pelajari dalam subjek Sejarah Tingkatan 5 iaitu 3 tahun yang lalu tetapi pada waktu itu kami belum memahami mengapa perkara ini penting bagi rakyat Malaysia kerana hanya menghafal untuk menjawab soalan. Berbeza dengan sekarang apabila kami lebih menghayati usaha-usaha masyarakat, kerajaan dan tokoh-tokoh terdahulu dalam membentuk Perlembagaan Malaysia. Akhir sekali, cabaran yang saya hadapi dalam proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini adalah menginterpretasikan perlembagaan ini dalam kehidupan seharian.

Natijahnya, mengimbas semula topik ini, kami mengenang jasa dan sejarah negara tentang perjanjian yang telah dipersetujui oleh nenek moyang kita. Setelah memahami topik ini kami belajar untuk menjadi lebih bertolak ansur untuk menerima perlembagaan tersebut supaya dapat mengekalkan keamanan dan mengenali negara Malaysia.

BAB 7: PENERAPAN ETIKA & PERADABAN DALAM BUDAYA

& KOMUNIKASI KONTEMPORARI

Nilai yang kita dapat dalam topik ini ialah kebebasan bersuara. Konsep kebebasan bersuara biasanya berhubung kait dengan sesuatu isu yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat yang merangkumi semua aspek kehidupan seperti pemerintahan, keadilan, sosial ekonomi politik dan sebagainya. Dengan kebebasan bersuara, kita boleh menyampaikan fikiran, pandangan mengenai sesuatu dan idea sama ada dalam bentuk lisan, tulisan, slogan, lakonan ataupun ekspresi. Hal ini adalah penting supaya pandangan dan kritikan kita dapat dirujuk oleh pihak lain, terutamanya pihak kerajaan untuk menambahbaikkan keadaan pentadbirannya berdasarkan kritikan yang dikemukakan.

Walaupun kita diberikan kebebasan bersuara, kita tidak boleh menyalahgunakan hak ini. Kita tidak boleh memuat fikiran atau pandangan yang akan menyebabkan konflik contohnya topik yang sensitif. Sebagai contoh dalam 22 Februari 2018, Name Wee ditahan oleh polis kerana dia memuat naikan satu video bernama “Like A Dog” atas youtube. Pihak polis menerima empat laporan berhubung klip video itu yang berunsur hinaan terhadap agama serta boleh membawa implikasi negatif kepada perpaduan dan keharmonian kaum. Ini akan mendatangkan kegembaram masyarakat kerana video itu terdapat isi yang hasut.

Melalui bab ini, kita dapat mengenalpasti beberapa prinsip untuk kita berfikir sebelum bersuara dalam social media atau mana-mana yang boleh dinampak oleh masyarakat. Pertama kali, hormat-menghormati. Kita harus memastikan pementagan yang kita ingin memukakan itu tidak menyinggung sesuatu individu. Kita amatlah wajar untuk kita tidak menggunakan kata-kata kesat, bersifat perkauman dan menyentuh perkara-perkara sensitif seperti perbezaan kulit, latar belakang dan agama. Selain itu, kita harus menghormati harta intelektual. Kita tidak boleh salin pernyataan orang lain. Jika pandangan orang lain itu penting untuk kita, kita perlu memberitahu sumber pandangan itu.

Cabaran yang kita menghadapi semasa menyediakan topik ini ialah banyak isu dan contoh itu amat sensitif untuk ditunjukkan. Oleh itu kita perlu pilih dengan hati-hati untuk mengurangkan salah faham.

BAB 8: PERANAN ETIKA & PERADABAN MENDOKONG

TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Setelah mempelajari bab ini, pelbagai nilai-nilai murni dan pengajaran yang kami berjaya perolehi. Bab ini mengisarkan tentang tanggungjawab sosial seseorang terhadap pelbagai aspek seperti masyarakat, tempat kerja, organisasi dan alam sekitar. Tanggungjawab sosial merupakan perbuatan seseorang bukan sahaja mendatangkan kesan kepada dirinya sahaja tapi juga berkait dengan sekelilingnya. Hal ini bukanlah baru diperkenalkan, tapi ianya wujud sejak dahulu lagi dimana ia menyedarkan kami bahawa sikap pentingkan diri sendiri tidak boleh wujud dalam diri supaya suasana yang harmoni dapat dilahirkan. Bukan itu sahaja, tokoh sejarah peradaban dan sosiologi mengaitkan bahawa kemunculan dan kejatuhan sesebuah tamadun dengan faktor etika. Etika dan peradaban ini sangat memberi impak terhadap sesuatu perkara kerana walau hebat bagaimanapun sesebuah tamadun itu, jika ia tidak dipimpin dengan etika yang betul ia akan runtuh juga.

Seperti yang tertera di atas, tanggungjawab sosial merangkumi pelbagai aspek dan salah satunya adalah tanggungjawab sosial dengan masyarakat. Kami telah mendapat pengajaran bahawa hidup di dunia ini, sikap prihatin dan tolong-menolong sangat penting. Bayangkan jika kita hidup bersendirian tanpa mempedulikan jiran atau orang sekeliling. Keadaan akan menjadi rumit apabila kita menghadapi situasi kecemasan dan tidak tahu untuk meminta pertolongan sesiapa. Apabila situasi begini wujud, lebih teruk lagi orang sekeliling tidak mahu menolong kerana sebelum ini kita terlalu sombong. Terlalu banyak contoh orang yang sombong dan akhirnya memudaratkan diri sendiri. Oleh itu, untuk menjadi seseorang yang mempunyai tanggungjawab sosial, tidak kira orang itu pernah jahat atau baik dengan kita, kita perlu menolong jika mereka susah. Sikap ini akan menjadi contoh yang baik seterusnya dapat melahirkan generasi akan datang yang beretika apabila sikap ini sudah menjadi norma dalam kehidupan kita.

Seterusnya, tanggungjawab sosial juga telah menekankan aspek perniagaan dan ekonomi. Di dalam bidang ini terlalu banyak kelakuan yang tidak beretika dan kita juga dapat melihat bahawa ramai usahawan yang akhirnya menghabiskan hidupnya di dalam penjara oleh kesalahan yang tidak beretika. Antara perbuatan itu adalah penyelewengan, rasuah dan perniagaan yang hanya mementingkan untung bukan kualiti. Menurut laman web rasmi SPRM, kes rasuah yang direkodkan sepanjang tahun 2020 mencecah hamper 1000 kes yang berjaya

ditangkap. Sikap ini sangat tidak wajar dan tiada keadilan yang dapat kita lihat. Kami juga telah menganalisis bahawa kes-kes rasuah ini adakalanya mereka tidak sedar tentang rasuah yang diterima, ianya boleh jadi secara tidak langsung. Tambahan pula, ada juga yang sengaja memerangkap sesebuah syarikat supaya dapat menjatuhkan mereka. Kami dapat lihat bahawa unsur pentingkan diri sangat tinggi dan perkara ini perlu dielak. Jika tidak dielak, ianya akan diikuti oleh generasi akan datang dan ekonomi di negara boleh dilabel sebagai kotor kerana penuh dengan penipuan. Oleh itu, kita mestilah menjauhi perkara ini dan sedar akan tanggungjawab sosial kita terhadap ekonomi.

Tambahan pula, kita juga mempunyai tanggungjawab dengan alam sekitar. Contoh yang jelas adalah dengan tidak membuang sampah merata-rata. Di zaman ini, kehidupan kita cukup senang kerana ada lori sampah yang akan mengutip sampah di rumah kita. Akan tetapi ada juga rakyat yang tidak bertanggungjawab dan mengambil mudah. Mereka tidak mengikat sampah buangan mereka dengan betul. Ini mengakibatkan sampah itu bersepah dan menyusahkan pengutip sampah. Kami mempelajari bahawa dalam hidup ini kita mestilah memudahkan hidup orang lain, lebih berkat dan bahagia hidup kita jika berbuat sedemikian. Oleh itu, kita perlu sedar bahawa perkara remeh begini juga perlu diambil berat dan sedar akan tanggungjawab masing-masing. Alam sekitar bukan sahaja melibatkan flora tapi ianya juga melibatkan fauna. Bab ini telah mengajar kami untuk berbuat baik dengan semua hidupan di dunia. Sebelum ini, kami tidak menyedari bahawa pentingnya tanggungjawab sosial. Setelah belajar, kami dapat lihat dan membuka mata akan perkara ini. Contoh yang sangat jelas dapat dilihat apabila wira kita, Ustaz Ebit Lew mempunyai sikap tanggungjawab sosial yang sangat tinggi. Beliau membantu tidak mengira agama dan bangsa. Bukan sahaja menghulurkan bantuan kepada manusia, beliau juga telah menderma 500kg daging segar ke Zoo Negara untuk menampung pemakanan mereka. Sikap begini perlu dicontohi supaya dapat melahirkan negara yang aman dan harmoni.

Kesannya, dari segi intelektual kami telah menjana lebih pengetahuan yang mendalam tentang tanggungjawab sosial dan seterusnya menyedari bahawa tanggungjawab kita sebagai manusia di bumi adalah banyak. Kita hidup di dunia sambil melengkapinya dan pentingnya kita menjalankan tanggungjawab masing-masing. Jika hanya hidup untuk diri sendiri tambah pula etika dan adabnya kurang, kejayaan susah untuk dikecapi. Dari segi psikologi pula, pelajaran bab ini telah mengubah pemikiran kami untuk menjadi rakyat yang lebih bertanggungjawab supaya

kami dapat menjadi rakyat yang beretika. Dengan ini, kami akan menjadi lebih matang dan rasional juga bersedia untuk menghadapi cabaran apabila ketinggian etika dan adab seiring dengan ilmu di dada.

Cabaran yang kami hadapi semasa menjalankan tugas ini adalah untuk mendalami setiap perkara kerana konteksnya membawa maksud yang mendalam. Kami perlu betul-betul memahami setiap satu istilah supaya tidak salah faham akan isi kandung bab ini. Seterusnya, ada juga istilah islam seperti amar maaruf nahi mungkar yang agak sukar untuk difahami untuk rakan-rakan berbangsa cina kami. Kami perlu memberikan penerangan yang betul supaya mereka faham konsep itu. Akhir sekali, sumber carian dan informasi yang terhad juga merupakan salah satu cabaran buat kami. Akan tetapi, itu bukan penghalang malah ianya membangkitkan semangat kami untuk berusaha mencari supaya soalan yang tertanya-tanya terjawab.

BAB 9: CABARAN KETERLESTARIAN ETIKA & PERADABAN

Selepas mempelajari Bab 9, banyak nilai murni dan pengajaran yang diperolehi melalui bab ini. Kami berasa amat bersyukur kerana mendapat peluang untuk mempelajari ilmu yang dapat membantu dalam membentuk personaliti diri. Kami juga bermotivasi untuk meneroka topik ini dengan mendalam lagi dan mempraktikkan ilmu-ilmu yang dipelajari dalam kehidupan kami. Dalam bab ini, kami telah belajar tentang konsep-konsep kelestarian etika dan peradaban, cabaran cabaran keterlestarian etika dan peradaban serta strategi dan langkah kearah keterlestarian etika dan peradaban dalam konteks Malaysia. Kami menyedari bahawa keterlestarian etika dan peradaban amatlah penting bagi kami untuk menjalankan kehidupan yang mapan.

Salah satu nilai murni yang dapat kami perolehi ialah nilai ketabahan. Dalam bab ini, kami telah menganalisis strategi dan langkah untuk mengatasi cabaran yang dihadapi dalam keterlestarian etika dan peradaban. Hal ini menunjukkan bahawa janganlah kami berputus asa apabila berhadapan dengan cabaran dan masalah dalam hidup kami. Setiap masalah akan ada jalan penyelesaiannya jika kami mengamalkan sikap ketabahan dan tidak berputus asa dalam mencari jalan penyelesaiannya. Hal ini dapat dibuktikan melalui kejayaan Thomas Edison dalam penciptaan lampu mentol. Beliau telah menghadapi cabaran yang sukar dan banyak semasa mencipta lampu mentol. Namun begitu, beliau tidak pernah putus asa dan mencuba lagi sekali selepas setiap kegagalan yang dihadapi. Selepas percubaan keseribu beliau, lampu mentol yang pertama telah berjaya dicapta oleh beliau. Sikap beliau semasa berhadapan dengan cabaran haruslah dicontohi oleh masyarakat kini, terutamanya dalam pandemik COVID – 19.

Semasa pandemik COVID – 19, semua negara telah menghadapi cabaran yang serius termasuklah Malaysia. Sejak perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan(PKP) pada March 2020, rakyat Malaysia telah menghadapi cabaran seperti cabaran dalam ekonomi, kesihatan dan pelajaran. Oleh sebab Perintah Kawalan Pergerakan, pekerja tidak dapat pergi ke tempat kerja; pelajar tidak dapat pergi ke sekolah; restoran tidak dapat dibuka. Namun demikian, rakyat Malaysia bersikap tabah apabila menghadapi cabaran pandemik COVID-19. Pekerja bekerja keras dari rumah dan menyesuaikan diri untuk bekerja atas talian. Pelajar pula belajar dari rumah, menyesuaikan diri untuk belajar atas talian dan menyiapkan tugas kumpulan melalui perbincangan atas talian walaupun tidak dapat berjumpa dengan ahli-ahli kumpulan. Restoran

pula mencari jalan untuk membuat servis penghantaran melalui Internet bagi mengatasi masalah kekurangan pelanggan. Hal ini telah membuktikan bahawa rakyat Malaysia tidak berputus asa apabila berhadapan dengan cabaran pandemic COVID – 19, malahan pula menganalisis dan mencari strategi dan langkah yang terbaik untuk mengatasi cabaran tersebut.

Bab 9 juga memberi kesan yang banyak kepada kami dari segi sudut intelektual serta psikologi. Bab ini telah mengubah fikiran kami terhadap cabaran yang akan dihadapi dalam kehidupan kami. Sebelum ini, kami mungkin akan berasa gelisah dan risau apabila berhadapan dengan cabaran. Sekarang, kami dapat menangani cabaran dengan minda yang lebih tenang kerana kami mengetahui jalan penyelesaian akan dapat dicari apabila kami tidak berputus asa. Kami juga mengetahui betapa pentingnya etika dan cara untuk menghayatinya dalam kehidupan harian kami. Dengan penghayatan etika dan nilai, kami dapat membina pemikiran dan sikap yang betul terhadap etika dan peradaban dalam kalangan masyarakat.

Cabaran yang kami hadapi dalam proses penyediaan dan menyempurnakan refleksi ialah kesukaran dalam memahami setiap cabaran keterlestarian etika dan peradaban. Hal ini demikian kerana terdapat banyak cabaran yang terdiri daripada aspek yang berlainan. Oleh itu, kami membaca slide dan e-book untuk memahami cabaran-cabaran yang tertakhluk dan membuat kajian yang lebih mendalam melalui Internet. Dengan adanya pemahaman yang lebih mendalam terhadap bab ini, barulah kami menulis refleksi berdasarkan apa yang kami faham.